

03/05/2001

Anwar tolak rawatan di HKL

Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim menolak cadangan kerajaan supaya beliau menjalani pembedahan tulang belakang di Hospital Kuala Lumpur.

Sebaliknya, beliau tetap dengan pendirian untuk mendapatkan rawatan dan pembedahan di Alpha Clinic di Munich, Jerman sebagaimana dicadangkan pakar tulang belakang yang mengendalikan klinik itu, Dr Thomas Hoogland.

Keputusannya itu dinyatakan dalam suratnya bertarikh 30 April kepada Pengarah HKL, Dr Abdul Razak Kechik dan dibacakan oleh isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada sidang akhbar di rumahnya di Bukit Damansara di sini, hari ini.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tetap dengan keputusan untuk tidak membenarkan Anwar ke luar negara bagi mendapat rawatan.

"Perdana Menteri semalam pun menyatakan keputusan kerajaan untuk tidak membenarkan beliau keluar negara. Itu keputusan pada waktu ini. Sekarang ini dia menjadi banduan, jadi dia terikat kepada banyak peraturan," katanya selepas mesyuarat pengurusan Umno petang ini.

Dalam suratnya kepada Pengarah HKL, Anwar yakin kaedah pembedahan endoskopik yang diusulkan Dr Hoogland tidak mengakibatkan luka parah, berisiko rendah dengan waktu pemulihan lebih cepat.

Anwar, yang menjalani hukuman penjara 15 tahun kerana kesalahan rasuah dan liwat, dimasukkan ke HKL pada 25 November lalu selepas mengadu sakit tulang belakang.

Pada 25 April, beliau diberi tempoh sehingga hari ini untuk membuat keputusan sama ada bersetuju untuk menjalani pembedahan di HKL atau dihantar kembali ke Penjara Sungai Buloh untuk menerima rawatan konservatif tanpa pembedahan.

Dr Abdul Razak sebelum ini menyatakan HKL hanya menyediakan rawatan kaedah mikro-disektomi bagi merawat sakit tulang belakang Anwar yang berisiko tinggi serta lewat untuk sembuh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, kerajaan tetap tidak membenarkan Anwar menjalani pembedahan di luar negara kerana doktor tempatan berpendapat penyakitnya boleh dirawat di Malaysia.

Kelmarin, sekumpulan 108 individu termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman menandatangani satu petisyen merayu Dr Mahathir memberi kelonggaran kepada Anwar untuk mendapat rawatan sakit tulang belakang di luar negara.

Sementara itu, peguam Anwar, Sankara Narayanan Nair, yang turut hadir pada sidang akhbar hari ini berkata, Anwar mempunyai hak untuk mendapatkan rawatan mengikut pilihannya iaitu pembedahan Endoscopic Micro Surgery di Jerman yang tidak ditawarkan dalam surat Pengarah HKL.

Mengenai tindakan seterusnya, Nair berkata, ia bergantung kepada langkah selanjutnya daripada kerajaan mengenai apa yang akan dilakukan terhadap Anwar.

Katanya, perkara itu ada dibincangkannya dengan Anwar dan mereka mengambil sikap tunggu dan lihat sebelum membuat sebarang keputusan.

Wan Azizah pula berkata, kos perubatan dapat dikurangkan jika pembedahan itu dilakukan di klinik Dr Hoogland.

Sebagai contoh, katanya, aspek tambang akan berjumlah kira-kira RM25,000 berbanding kos membawa peralatan dari luar negara itu ke sini yang menurutnya, akan menjangkau sehingga RM500,000.

Sementara itu, pakar neurosurgeon Sunway Medical Centre, Dr Richard Veerapen, yang turut hadir berkata, Dr Hoogland harus diberi kebebasan menjalankan pembedahan mengikut kehendaknya.

(END)